



جَبَاتَانْ هَالْ اَهْوَالْ اِغَامَا اِيسْلَامْ نِغِيرِيْ سَابَاهْ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِحْطِيَّةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

13 ZULKAEDAH 1447H/ 01 MEI 2026M

“IKHLAS DILESTARI, BARAKAH DINIKMATI”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:
الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ .
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ .
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ .

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Saya berpesan kepada diri saya dan jemaah Jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala apa-apa yang ditegah atau dilarang. Mudah-mudahan kita menjadi hamba yang beriman serta berjaya di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama memberikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit semasa khutbah disampaikan kerana perbuatan tersebut boleh manghapuskan pahala Jumaat kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan penuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Pada hari yang mulia ini, khatib ingin mengajak hadirin Jumaat sekalian bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk **“Ikhlas Dilestari, Barakah Dinikmati.”**

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Pekerjaan adalah mekanisme, suatu proses atau wadah dan kaedah untuk memberikan kebaikan kepada ummah. Hal ini bukan sekadar perbuatan untuk mendapatkan gaji, namun suatu peluang untuk menggandakan pahala serta menghadamkan sebanyaknya kebaikan dan paling utama mendapat reda Illahi. Allah SWT berfirman dalam surah al-Mulk, ayat 2:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Maksudnya: *“Dialah yang menciptakan mati dan juga hidup kamu untuk menguji dan menzahirkan keadaan, siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya. Sedang Dia Maha Kuasa (membalas amalan kamu), lagi Maha Pengampun (bagi orang yang bertaubat)”*.

Ayat tersebut menjelaskan kepada kita bahawa setiap pekerjaan datang bersama ujian, kecekapan, kesungguhan, keikhlasan dan juga akhlak. Setiap ujian itu pula, menjadi penanda aras keperibadian seseorang. Bekerja mencari rezeki merupakan tuntutan agama juga tuntutan hidup. Seseorang yang melaksanakan tuntutan agama pasti mendapat pahala di sisi Allah SWT. Dalam surah al-Muzzammil ayat 20, Allah SWT menegaskan dalam firman-Nya **yang bermaksud:** *“Dia juga mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang yang sakit dan yang lainnya orang yang bermusafir di muka bumi untuk mencari rezeki dan limpah kurnia Allah, sementara yang lainnya lagi, orang yang berjuang pada jalan Allah yakni yang membela agama-Nya”*.

MUSLIMIN MUSLIMAT DIRAHMATI ALLAH,

Ramai orang berasa cukup dengan rezeki yang diperolehi setiap hari atau setiap hujung bulan. Itu tandanya rezekinya penuh keberkatan. Tidak

sedikit juga yang sentiasa mengadu rezeki yang diperolehi tidak mencukupi. Itu tandanya rezeki itu kurang atau tiada keberkatan. Para ulama telah menggariskan prasyarat untuk mendapatkan rezeki yang berkat antaranya:

Pertama: Bekerja dengan takwa. Hal ini bermaksud melaksanakan segala perintah dan meninggalkan larangan Allah SWT. Semasa bekerja hendaklah sentiasa memelihara elemen takwa seperti menjaga solat, bercakap benar, amanah, akauntabiliti, tidak curi tulang, tidak mengamalkan rasuah dan tidak terbabit dengan kerja haram atau syubhah, iaitu yang tidak jelas halal haramnya. Nu'man Basyir *radiallahu'anh* berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud:** *“Perkara halal itu jelas, perkara haram itu juga jelas, dan antara keduanya adalah Syubhah. Ramai orang tidak mengetahui apakah perkara halal atau haram. Sesiapa yang meninggalkannya (yakni perkara syubhah itu), maka bebas dan selamatlah untuk agama dan kehormatannya. Dan barang siapa terjatuh di dalamnya, dikhuatiri ia terjatuh dalam keharaman tersebut.”* (Riwayat at-Tirmizi)

Kedua: Menjauhi perkara fasik ketika bekerja. Antaranya tidak bersikap sombong, riyak, tidak membuka aurat, menghalalkan perbuatan haram dan lain-lain. Melakukan perbuatan fasik akan mengurangkan keberkatan dan harta yang diperolehi tidak mencukupi dan membahagiakan diri seseorang. Tidak menyalahgunakan jawatan dan harta. Abdullah bin Mas'ud *radiallahu'anh* berkata, Nabi SAW bersabda **yang bermaksud:** *“Wajib ke atasmu bersikap jujur kerana sesungguhnya kejujuran menunjukkan kepada kebaikan, dan kebaikan menunjukkan jalan ke syurga. Seseorang yang selalu jujur dan memelihara kejujuran,*

sehingga ditulis dan di sisi Allah dia sebagai seorang yang jujur.” (Riwayat at-Tirmizi)

Ketiga: Bercakap benar dan ikhlas. Terutama sekali mereka yang terlibat dengan urusan jual beli. Bercakap benar akan menambah keberkatan dalam kerja dan perniagaan. Bahkan menambah rezeki. Sementara menipu, berbohong akan menambah dosa serta rezeki yang diperolehi boleh menjadi musibah kepada diri. Justeru, hendaklah niat bekerja dengan penuh ikhlas kepada Allah SWT untuk mencari rezeki yang halal buat diri dan keluarga serta menyumbang kepada masyarakat. Abu Mas’ud *radiallahu’anh* berkata, Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِذَا أَنْفَقَ الرَّجُلُ عَلَى أَهْلِهِ نَفَقَةً يَحْتَسِبُهَا فَهِيَ لَهُ صَدَقَةٌ.

Maksudnya: “Apabila seorang lelaki membelanjakan hartanya untuk keluarganya dengan mengharap pahala (daripada Allah), maka dia adalah sedekah baginya.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Keempat: Melaksanakan kerja pada waktu yang ditetapkan. Orang yang mengambil kesempatan berehat-rehat tanpa melaksanakan kerja pada waktunya akan mengurangkan keberkatan rezekinya. Apatah lagi masih ada yang bekerja dari rumah. Maka laksanakanlah kerja di rumah tersebut dengan penuh amanah. Allah SWT menegaskan dalam firman-Nya dalam surah al-Anfal, ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”

Kelima: Bersungguh-sungguh dan bertawakkal kepada Allah SWT. Islam sangat menuntut umatnya melaksanakan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh. Setelah itu, kita dituntut pula menyerahkan segala urusan rezeki kepada Allah SWT. Islam turut melarang umatnya hanya berpeluk tubuh sambil menunggu rezeki datang kepadanya. Rasulullah SAW mengungkapkan saranan tersebut menerusi hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah *radiallahu'anha* yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan baik, sempurna dan tekun.”* (Riwayat al-Baihaqi)

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Pekerjaan itu adalah ibadah untuk meraih pahala dan reda di sisi Allah SWT. Suatu pekerjaan hendaklah dilaksanakan dengan penuh amanah walau di mana sahaja bekerja, dengan syarat pekerjaan yang memenuhi tuntutan syariat. Sejalan dengan aspirasi Islam yang mengajak umatnya melihat pekerjaan bukan sekadar mengisi perut dan poket, bahkan lebih besar lagi bekerja demi memaknai erti kehidupan. Itulah tujuan kehidupan di dunia ini yang fungsinya sebagai ladang bagi menuai hasil terbaik di akhirat kelak. Para hukama' pernah berkata: *“Beri kebaikan yang terbaik jika ingin menjadi baik, adalah untuk membezakan pekerjaan manusia dengan makhluk Allah yang lain mahupun membezakan pekerjaan umat Islam dengan yang belum Islam.”* Allah SWT berfirman dalam surah al-An'am, ayat 162-163:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ
أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

Maksudnya: “Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah. Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku di antara seluruh umatku adalah orang Islam yang awal berserah diri kepada Allah SWT.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ
الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

"PEKERJA MADANI KESUMA BANGSA"

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com